

BAB 2 : KEBANGKITAN NASIONALISME

1. Apakah maksud nasionalisme dalam konteks orang Melayu sebelum merdeka?

m/s
23

- A Mendapatkan kembali keunggulan dalam negeri sendiri
- B Mengembalikan kegemilangan Kesultanan Melayu
- C Menuntut keadilan kepada anak bangsa
- D Mengiktiraf hak setiap kaum negara ini

2 John Locke, seorang ahli falsafah Inggeris telah mengutarakan tentang nasionalisme dalam karyanya *Two Treaties of Government*.

m/s
24

Apakah idea tersebut?

- I Menolak konsep raja berkuasa mutlak
 - II Kuasa parlimen perlu diperkukuhkan
 - III Suara rakyat menjamin kesejahteraan
 - IV Hak rakyat diutamakan dalam perundangan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

3 Apakah gerakan yang dapat dikaitkan dengan perkembangan idea Pan- Islamisme?

m/s
27

- A Dahagi India
- B Gerakan Islah
- C Kebangkitan tok Janggut
- D Sumpah Pemuda Indonesia

4 Katipunan menggunakan akhbar Kalayan sebagai wadah perjuangan. Apakah matlamat perjuangannya?

m/s
28

- A Kemerdekaan Filipina
- B Persamaan hak penduduk
- C Perlindungan Amerika Syarikat
- D Kemajuan kesusteraan Filipina

5 Senarai berikut berkaitan dengan parti politik yang memperjuangkan kemerdekaan Indonesia.

m/s
30

- Sarekat Islam
- Partai Komunis Indonesia
- Partai Nasionalis Indonesia

Apakah persamaan dalam perjuangan mereka?

- A Bersifat radikal
- B Akhbar sebagai wadah
- C Memajukan sosioekonomi
- D Berfokus kepada agama Islam

6 m/s 31 Apakah matlamat yang hendak dicapai dalam gerakan nasionalisme Thailand pada awal abad ke-20?

- A Kemerdekaan negara
- B Pengunduran kuasa penjajah
- C Mempertahankan kedaulatan raja
- D Penglibatan rakyat dalam pentadbiran

7 m/s 33 Apakah persamaan perjuangan tokoh perjuang masyarakat tempatan ini?

- Rentap
- Mat Salleh
- Dato' Maharaja Lela

- I Mengusir penjajah
- II Mempertahankan hak
- III Mendaulatkan wilayah
- IV Mencapai kemerdekaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

8 m/s 35 Apakah peranan sistem pendidikan dalam perjuangan nasionalisme tanah air?

- A Melahirkan ahli politik
- B Menghasilkan karya kreatif
- C Menubuhkan persatuan sosioekonomi
- D Mendedahkan idea tokoh falsafah Islam dan Barat

9 m/s 36 Apakah idea perjuangan yang diketengahkan oleh akhbar *al-Iman*?

- I Tuntutan keistimewaan orang Melayu
 - II Umat Islam kembali kepada ajaran Islam yang sebenar
 - III Mengkritik sikap dan mentaliti masyarakat
 - IV Menolak ancaman imperialisme Barat
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

10 m/s 42 Akhbar berbahasa Inggeris seperti *The Malay Mail* dan *The Malaya Tribune* berusaha untuk mengasaskan dana .

Apakah tujuan dana tersebut diasaskan ?

- A Memulakan pendidikan Inggeris untuk orang Melayu
- B Membantu orang Melayu melanjutkan pelajaran
- C Melahirkan pegawai perkhidmatan pegawai
- D Membuka sekolah di kawasan bandar